



KENYATAAN TENDER (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

PERKHIDMATAN PENGURUSAN SEWAAN KEPERLUAN KHEMAH, LOGISTIK DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN UNTUK MAJLIS/ACARA PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN (KONTRAKTOR PANEL)

NO. TENDER : PPj/T/JB/10/2021

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan projek tersebut seperti berikut:-

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Kod Bidang 221305 (Bidang Perkhidmatan, Sub-bidang Kesenian, Hiburan dan Pelancongan, pecahan sub-bidang Penyediaan Pentas/Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan dan Karnival/Pestaria) Dan Bertaraf Bumiputera	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slaid) mulai: 8 Oktober 2021 di pautan berikut: https://www.ppj.gov.my/second-page/tender Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	8 Oktober 2021 (Jumaat) sehingga 18 Oktober 2021 (Isnin) Kaunter Jualan Tender/ Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM200.00 (Tidak dikembalikan) Tunai/Deraf Bank Perbadanan Putrajaya	28 Oktober 2021 (Khamis) 12.00 Tengah hari Kaunter Jualan Tender/ Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

2. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
- **Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM200,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.**
3. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
4. Selaras dengan saranan kerajaan dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19, operasi kaunter tender/ sebut harga dibuka kepada orang awam melalui **JANJI TEMU** dan **hanya pelanggan yang mempunyai janji temu sahaja dibenarkan hadir berurusan**. Untuk membuat janji temu, pihak syarikat dikehendaki mengisi Borang Janji Temu yang boleh didapati di pautan <https://pelawat.ppj.gov.my> dan permohonan 1 slot janji temu hanyalah dibenarkan untuk 1 urusan pembelian tender sahaja.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia**.
6. Tender ini akan ditutup pada **28 Oktober 2021** bersamaan hari **Khamis, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:

KAUNTER JUALAN TENDER/SEBUT HARGA, ARAS 3, BANGUNAN ANNEXE, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, 24, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA

8. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya turut boleh dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
- Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh petender;
 - Petender hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
 - Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak/hilang; dan
 - Sebarang tuntutan kerugian yang timbul dalam pelaksanaan ini tidak akan dipertimbangkan.
9. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Sila ambil perhatian, Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas negeri/daerah. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:

www.ppj.gov.my